

08/05/2001

Lee terima anugerah Khidmat Cemerlang

KUALA LUMPUR, Isnin - Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, Datuk Lee Lam Thye, menerima anugerah pertama Khidmat Cemerlang daripada yayasan berkenaan sebagai menghargai jasa serta sumbangannya selama ini.

Anugerah itu disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sempena majlis makan anjuran yayasan itu di Hotel Mandarin Oriental dekat sini, malam tadi.

Lee menyifatkan penghargaan itu sebagai dorongan untuk beliau terus berbakti dan berkhidmat dengan lebih cemerlang.

"Saya berterima kasih kepada Yayasan yang menghargai segala sumbangan saya selama ini dalam usaha meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai pencegahan jenayah.

"Pengiktirafan ini bukan milik saya seorang, sebaliknya dikongsi dengan semua rakan di Yayasan yang selama ini merancang dan melaksanakan segala program serta aktiviti berkaitan pencegahan jenayah," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata, masyarakat tidak seharusnya menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab membanteras jenayah kepada kerajaan atau badan bukan kerajaan (NGO), sebaliknya harus bersama-sama membantu pihak berkuasa.

Sehubungan itu, Lee berkata, sehingga kini 1,200 sekolah menengah di seluruh negara sudah menubuhkan Kelab Pencegahan Jenayah yang dianggotai 60,000 pelajar.

"Sambutan pelajar begitu menggalakkan dan kita berharap semua sekolah menengah akan mewujudkan Kelab Pencegahan Jenayah bagi mengatasi jenayah di kalangan pelajar," katanya.

(END)